



## **TEKS UCAPAN**

**Y.BHG. DATO' WAN AHMAD SHABRI ZAINUDDIN BIN WAN MOHAMAD  
KETUA PENGARAH RISDA**

**SEMPENA**

**MAJLIS KASIH PESARA RISDA TAHUN 2017**

**TEMPAT : DEWAN MERAK KAYANGAN, BALAI FELDA,  
JALAN GURNEY, KUALA LUMPUR**  
**TARIKH : 20 DISEMBER 2017(RABU)**  
**MASA : 8.00 MALAM**

## **Salutasi**

- 1. Ybrs. Pengerusi Majlis**
- 2. Y.Bhg. En.Nasarudin bin Malek**  
**Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) RISDA**
- 3. Y.Bhg.En.Abdullah bin Zainal**  
**Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Korporat) RISDA**
- 4. Pengarah-Pengarah Bahagian, Pengarah-Pengarah RISDA Negeri,  
Ketua-ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Milikan RISDA**
- 5. Yang Diraikan Pesara-Pesara RISDA Tahun 2017**
- 6. Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.**

**Assalamualaikum W.B.T., Salam Sejahtera, Salam Kasih Sayang dan Salam Sehati Sejiwa,**

1. Pertamanya, sukalah saya melafazkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana atas limpah kurnia dan izin-Nya, maka dapat kita bersama-sama hadir dalam Majlis Kasihi Pesara RISDA Tahun 2017 ini bagi meraikan **orang yang bersara iaitu bersara wajib dan bersara pilihan pada tahun ini.**
2. Majlis malam ini adalah penghargaan serta ucapan terima kasih yang tidak terhingga pihak Pengurusan RISDA atas segala khidmat bakti dan pengorbanan yang telah Tuan-tuan dan Puan-puan curahkan dengan penuh dedikasi. Sesungguhnya khidmat bakti Tuan-tuan dan Puan-puan selama bertahun-tahun selama ini tiadalah boleh disamakan nilainya dengan hanya sebuah majlis makan malam sahaja. Namun, majlis ini merupakan pengiktirafan dan tanda peringatan kita yang masih berkhidmat lagi ini, kepada Tuan-tuan dan Puan-puan yang telah bersama-sama menyemai bakti menjadikan RISDA sebagai sebuah agensi yang menyumbang secara kritikal kepada pembangunan dan kemajuan pekebun kecil luar bandar.

3. Oleh yang demikian juga, saya merasa gembira apabila mendapat tahu bahawa ada pesara yang telah sanggup datang walaupun dari jauh. Maklumlah, apabila sudah bersara, ada yang merasa segan untuk ke majlis-majlis rasmi dan sebagainya. Dalam erti kata ini, saya merasa terharu bahawa Tuan-tuan dan Puan-puan hadir juga, saya percaya atas semangat setiakawan dan ikatan silaturrahim yang terbina selama ini. Bak kata pepatah, “tempat jatuh lagikan dikenang, inikan pula tempat kita berbakti dan mencari rezeki”.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

4. Persaraan membawa pelbagai pengertian dan makna bagi setiap penjawat awam. Pastinya Tuan-tuan dan Puan-puan telah pun membuat perancangan bagi menghadapi alam baru ini. Saya pasti ada yang mahu berniaga, berkebun dan melancong bersama isteri dan keluarga. Malah ada juga di kalangan Tuan / Puan yang berhasrat menghabiskan masa bersama isteri, anak-anak mahu pun cucu. Walau apa pun, hakikatnya setiap pesara sebenarnya sedang melangkah atau telah memasuki fasa hidup yang baharu dan pastinya akan berhadapan dengan suasana dan cabaran yang berbeza

dengan alam pekerjaan.

5. Ada di kalangan Tuan-tuan dan Puan-puan yang telah pun berkhidmat melebih 30 tahun. Dalam tempoh yang panjang ini, pastinya Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian telah melalui pelbagai ranjau, suka dan duka dalam Perkhidmatan Awam khasnya di RISDA. Bukan sahaja telah merasai waktu-waktu manis kejayaan dan kecemerlangan malah juga masa-masa pahit maung kegagalan mahu pun kekecewaan. Saya yakin, sebenarnya terlalu banyak pengalaman serta pengetahuan yang telah Tuan-tuan dan Puan-puan timba dan kecapi selama ini yang boleh serta patut dijadikan tauladan dan sempadan kepada generasi yang masih berkhidmat sekarang ini.
  
6. Suka juga saya mencadangkan supaya, di samping berehat panjang Tuan-tuan dan Puan-puan bolehlah mengambil peluang melibatkan diri dalam aktiviti yang dianjurkan oleh Persatuan

Persara RISDA(PERSADA) . PERSADA merupakan satu platform untuk para pesara bergiat cergas dalam aktiviti selepas besara kelak dan untuk mengeratkan hubungan baik dan berterusan dikalangan para pesara dengan RISDA umumnya. PERSADA telah menerima pelbagai bentuk sumbangan dari RISDA dalam masa dua tahun penubuhannya untuk menjayakan dan menampung aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pesara. Saya berharap tuan/puan yang masih belum mendaftar menjadi ahli, daftarkanlah dengan segera agar dapat menikmati aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh PERSADA.

7. Selain itu, Tuan-tuan dan Puan-puan juga bolehlah bergiat aktif dalam badan-badan bukan kerajaan (NGO), menjadi penyumbang idea serta tenaga kepimpinan bagi memperkasakan lagi medan NGO tempatan yang semakin meningkat peranan serta kepentingannya kerana masyarakat sudah tidak boleh lagi bergantung sepenuhnya kepada Kerajaan semata-mata. Sebagai anggota perkhidmatan awam yang telah bersara, peranan Tuan-tuan dan Puan-puan juga adalah amat penting untuk menjadi mata dan telinga Kerajaan dalam memahami keperluan dan kehendak rakyat.

8. Pada kesempatan ini juga saya dan seluruh warga RISDA, sekali lagi, mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih atas sumbangan Tuan-tuan dan Puan-puan kepada RISDA sehingga ke akhir perkhidmatan. Sesungguhnya sumbangan bakti inilah yang telah banyak membantu kepada kecemerlangan RISDA hari ini dan menjadi contoh kepada warga RISDA yang masih berkhidmat. Tidak lupa juga, ucapan syabas saya kepada sama ada isteri atau suami dan juga ahli keluarga lain yang telah selama ini begitu setia mengharungi hidup bersama penjawat-penjawat RISDA kita ini. Semoga ketabahan, sokongan dan dorongan kepada pasangan masing-masing selama ini diberkati Allah dan kita semua dikurniakan kesihatan yang baik, rezeki yang murah dan umur yang panjang. Tahniah juga kepada pihak urusetia dan jawatankuasa penganjur majlis yang telah menjayakan majlis yang amat bermakna malam ini.

**Sekian.**

**Wabillahi taufik walhidayah.**

**Wassalamualikum warahmatullahi wabarakatuh.**